



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Kerani rugi RM40,000 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 12 October 2018

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 18

## Kerani rugi RM40,000 ditipu Macau Scam

**SUBANG JAYA** - Seorang kerani kerugian hampir RM40,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang mendakwa terlibat dengan tunggakan pembayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta pengubahan wang haram.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Azlin Sadari berkata, kejadian berlaku apabila wanita itu dihubungi seorang le-

laki mendakwa namanya telah digunakan oleh sebuah syarikat yang mempunyai tunggakan GST sebanyak RM85,700.

Katanya, sebaik mangsa menafikan pembabitannya, dia telah disambungkan kepada seorang lagi lelaki mendakwa sebagai pegawai penyiasat Bukit Aman.



AZLIN

“Selepas berpura-pura membuat semakan atas nama mangsa dan kad pengenalannya, suspek turut mengatakan yang mangsa terlibat dengan kes pengubahan wang haram melibatkan jumlah RM1.2 juta.

“Panik dengan keadaan itu, mangsa telah memberikan maklumat peri-

badi perbankan online seperti nama dan kata laluan kononnya untuk mengelak tiga akaunnya dibekukan ketika siasatan dijalankan,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, mangsa kemudian diminta tunggu beberapa minit sebelum menyedari dia telah ditipu apabila wang miliknya berjumlah RM39,199 telah lesap selepas membuat semakan.